

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
NAUTICALLINE (M) SDN BHD, ALOR STAR  
KEDAH

DISEDIAKAN OLEH :  
MOHAMMAD ZULFI B. ZAINOL ABIDIN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(PEMASARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2005



## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini, saya Mohammad Zulfi bin Zainol Abidin, UK8830, mengaku bahawa Laporan Latihan industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



.....

Nama: Mohammad Zulfi bin Zainol Abidin

Tarikh: 14 hb. Oktober 2004

Di sahkan oleh :



.....

Penyelia KUSTEM  
b/p Pengerusi Latihan Industri  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
KUSTEM

## PRAKATA

Latihan industri merupakan subjek penting dalam program sarjana muda pengurusan pemasaran dan program pengajian di FPE amnya. Melalui Latihan Industri, setiap pelatih akan ditempatkan sama ada di agensi awam atau swasta di mana pelajar berpeluang untuk menimba pengetahuan dan pegalaman melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung di dalam sesuatu bidang pekerjaan.

Pada dasarnya, latihan industri ini bertujuan untuk melatih pelajar supaya dapat membiasakan diri dengan alam pekerjaan yang sebenar dan juga memberi peluang kepada pelajar untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman di luar kampus. Latihan industri ini telah menyediakan peluang untuk pelatih mengaplikasi dan mempraktikkan teori yang telah dipelajari di kampus semasa mengadakan latihan industri. Melalui latihan industri ini juga, pelatih turut didedahkan dengan alam pekerjaan yang sebenar dan kemahiran asas yang berkaitan dengan program pengajian yang diambil.

Menerima latihan industri ini pelatih akan membina keyakinan diri dalam menyiapkan bagi menghadapi alam kerja kelak. Menyediakan laporan merupakan sebahagian daripada syarat yang telah ditetapkan oleh pihak fakulti yang mana ia membolehkan membuat prestasi pencapaian pelatih ketika menjalankan latihan di organisasi berkenaan.

## PENGHARGAAN

Pertamanya syukur kepada Allah SWT kerana dengan berkat dan rahmatNya dapat pelatih menjalankan latihan industri dan juga dapat menyiapkan laporan ini. Di kesempatan ini, Pelatih juga ingin mengambil kesempatan untuk melahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu,bapa serta keluarga yang banyak membantu, memberi dorongan, semangat serta menyara pelatih selama ini dan memberi kemudahan kepada pelatih dari segi kewangan dan kenderaan dalam mejalani latihan industri dan pengajian.

Pelatih mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Nauticalline (M) Sdn. Bhd yang telah memberi peluang untuk menjalani latihan industri di syarikat mereka, Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) yang telah menerima pelatih sebagai pelajar dan memberi kemudahan kepada pelatih dalam menjalani pengajian, pihak Urusetia Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang terlibat di dalam urusan Latihan Industri iaitu Pn Laila, Penyelia Latihan Industri dari Kustem iaitu Tn.Haji Manan B. Ali yang telah membimbing dan memberi semangat serta dorongan kepada pelatih untuk menjalani latihan industri serta menyiapkan laporan akhir.

Setinggi penghargaan kepada Penyelia Latihan Industri dari Nauticalline iaitu Pn. Sharipah Bt Abdullah, Abang Atan dan Kak Shelly yang telah membantu dan membimbing serta memberi pandangan dan dorongan sepanjang pelatih menjalani latihan industri ini. Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada anda semua.

Tidak lupa kepada Nadia dan Wari yang banyak membantu dan memberi dorongan kepada pelatih selama ini. Pelatih juga merakamkan penghargaan kepada staf-staf Nauticalline yang telah banyak memberikan bimbingan serta tunjuk ajar semasa pelatih menjalani latihan industri. Sememangnya segala nasihat, tunjuk ajar serta ilmu yang dicurahkan tidak sesekali akan pelatih lupakan. Sesungguhnya segala jasa dan sumbangan yang kalian hulurkan tidak dapat pelatih membalasnya dan pelatih serahkan kepada Allah jua.

Sekian, Terima Kasih.

## ISI KANDUNGAN

Prakata	i
Penghargaan	ii
Senarai gambar rajah	vi
Ringkasan eksekutif	vii
BAB SATU	
1.0 Latarbelakang organisasi	1
1.1 Latarbelakang syarikat Nauticalline	1
1.2 Maklumat Organisasi	6
1.3 Carta organisasi	8
1.4 Aktiviti Organisasi	12
1.5 Kemahiran yang ingin dipelajari	15
BAB DUA	
2.0 Mengenalpasti masalah dan cadangan penyelesaian	17
2.1 Mengesan sistem sedia ada	17
2.1.1 Sistem E-Perolehan	17
2.1.2 Mengenalpasti Masalah	21
2.1.3 Punca Masalah	22
2.1.4 Rumusan Analisis dan Perbincangan	24
2.1.5 Cadangan Penyelesaian	25
2.1.6 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	28

2.2	Sistem Maintenance	30
2.2.1.1	<i>Objektif Sistem</i>	30
2.2.1.2	<i>Proses Merekod Kerosakan</i>	30
2.2.2	Mengenalpati Masalah	33
2.2.3	Punca Masalah	35
2.2.4	Rumusan Analisis dan Perbincangan	36
2.2.5	Cadangan Penyelesaian	37
2.2.6	Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	40
2.3	Sistem Pembelian	41
2.3.2	Mengenalpati Masalah	45
2.3.3	Punca Masalah	46
2.3.4	Rumusan Analisis dan Perbincangan	47
2.3.5	Cadangan Penyelesaian	48
2.3.6	Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	50
BAB TIGA		
3.0	Rumusan dan Cadangan Keseluruhan	52
RUJUKAN		
LAMPIRAN		



## SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah 1.0	Carta Organisasi	8
Rajah 1.1	Pelaksanaan sistem e-Perolehan	20
Rajah 1.2	Pelaksanaan mengesan kerosakan pada enjin bot	32
Rajah 1.3	Proses pembelian barang daripada pembekal	44

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Nauticalline(M) Sdn. Bhd. adalah sebuah organisasi dimana pelatih telah berpeluang untuk menjalani latihan industri dan menimba pengalaman asas dalam bidang pemasaran. Pelatih telah menjalani latihan industri di Nauticalline (M) Sdn.Bhd yang beroperasi di kawasan Perindustrian Mergong, Alor Star, Kedah. Selama 12 minggu menjalani latihan industri, pelatih telah ditempatkan di empat bahagian utama dalam syarikat tersebut iaitu bahagian jualan, pentadbiran dan pengurusan dan operasi.

Pelatih mengenalpasti masalah serta memberi cadangan penyelesaian dalam sistem syarikat semasa pelatih menjalani latihan industri di Nauticalline. Sistem e-Perolehan adalah satu sistem jualan secara elektronik dan didaftar melalui Kementerian Kewangan. Masalah yang terdapat dalam sistem ini adalah kesukaran mengisi maklumat barang didalam ruangan MyKatalog, kadang-kala sistem ini tergendala, ia tidak dapat disiarkan Katalog kepada pelanggan dan tidak dapat menjalin hubungan mesra dengan pelanggan kerana urusan ini adalah secara elektronik. Cadangan dalam menyelesaikan masalah ini adalah mempelajari dengan lebih baik dalam menggunakan sistem ini, memperbanyakkan pengiklanan untuk mengelak daripada penurunan jualan syarikat apabila MyKatalog ini tergendala serta menghubungi pelanggan melalui telefon untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan mereka.

Selain itu, sistem Maintenance adalah satu sistem untuk mengenalpasti punca kerosakan enjin dengan menggunakan alat yang dikenali sebagai Sistem Digital Diagostik Terminal ini apabila pekerja tidak dapat mencari punca kerosakan sesebuah enjin. Masalah yang terdapat dalam sistem ini iaitu kemahiran pekerja tidak dapat dipertingkatkan kerana sering menggunakan alat ini, Sistem Digital Diagostik Terminal ini terlalu mahal untuk dibeli maka alat ini disewa daripada pembekal dengan ini syarikat Nauticalline mengalami kerugian dari segi masa, serta kekurangan pekerja mahir dalam bahagian enjin.

Cadangan yang diberi oleh pelatih adalah membiarkan terlebih dahulu pekerja mencari masalah kerosakan dengan kemahiran mereka sendiri, membeli Sistem Digital Diagostik Terminal ini untuk mengelak daipada kelewatan pembaikan sesebuah enjin dan pihak Nauticalline harus melatih pelatih dari Polimas dan menaikan imbuhan gaji untuk mendapatkan pekerja mahir yang ramai.

Melalui sistem pembelian, masalah yang hadapi oleh Nauticalline adalah cas penghantaran yang mahal dan harga barang perlu dinaikkan dan penghantaran barang yang lewat. Cadangan untuk menyelesaikan masalah ini iaitu dengan membeli barang dalam kuantiti yang banyak untuk mengelak daripada cas penghantaran yang mahal dengan membina tempat penyimpanan dan mencari pembekal yang ramai di serata tempat seperti di Singapura dan Jepun supaya tiada masalah dalam penghantara yang lewat. Segala cadangan yang telah diberi pelatih diharap dapat membantu dan memajukan lagi syarikat Nauticalline dimasa hadapan.